

PERKAMUSAN DAN ENSIKLOPEDIA: PERBANDINGAN CIRI (DICTIONARIES AND ENCYCLOPAEDIA: A COMPARATIVE FEATURES)

Ibrahim Haji Ahmad

Abstrak

Perkamus dan ensiklopedia merupakan rujukan penting dalam penggunaan bahasa. Tulisan ini berupa kajian perbandingan kandungan dengan bersandarkan pendapat Hartmann & James sebagai kerangka teori. Ada lapan perkara yang menjadi asas perbandingan, iaitu orientasi penyusun, metodologi penyusunan, skop, stail definisi, kefungisian, susunan struktur makro, tujuan menyeluruh dan ilustrasi. Semua ini dibincangkan dengan tuntas demi mempertingkatkan pengetahuan kita tentang dunia keilmuan bahasa.

Abstract

Dictionaries and encyclopaedia are the main references to the language use. This article is a comparative study based on Hartmann and James theory. There are eight elements of comparative foundation which includes compiler orientation, methodology of compilation, scope, styles of definition, functionality, and arrangement of macrostructure, overall objective and pictorial illustration. All the elements will be discussed thoroughly to enhance our knowledge in language world.

Pengenalan

Kamus merupakan himpunan kata sesuatu bahasa dan berupa sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa yang

disusun mengikut abjad, diberi makna dan keterangan lain yang berkenaan dengan kata-kata tersebut. Tueew (1964: 388) menganggap kamus sebagai kitab yang memberi keterangan tentang erti kata-kata atau lautan samudera yang dalam-dalam dan berbahaya.

Ternyata bahawa sesebuah kamus mendepani lautan kata yang cukup luas yang perlu diselami dan digali untuk mencari permata yang bernilai di dasarnya. Dalam hal ini, mungkin ada penyusun kamus yang tenggelam dan tidak timbul lagi kerana berdepan dengan lautan kata yang luas itu. Perkamusan meliputi semua subdisiplin yang penting dalam linguistik seperti leksikologi, sosiolinguistik, analisis wacana, pragmatik, etimologi dan sebagainya. Ini bermakna pengertian kamus boleh juga ditafsirkan sebagai wadah kata sesuatu bahasa (Jackson, 1988: 36). Ensiklopedia merupakan koleksi maklumat atau himpunan fakta tentang setiap cabang ilmu pengetahuan yang disusun mengikut abjad atau mengikut kategori secara singkat dan padat. Ensiklopedia juga dianggap sebagai sejumlah tulisan yang berisi penjelasan yang menyimpan maklumat komprehensif dan mudah difahami serta dimengerti tentang seluruh cabang ilmu pengetahuan. Selain itu, ada juga ensiklopedia yang disusun secara umum atau khusus dalam satu cabang ilmu tertentu.

Dari segi penyusunan, setiap topik bahasan yang disusun mengikut abjad, kategori atau volum terbitan. Biasanya dicetak dalam bentuk siri bergantung pada jumlah bahan yang disertakan. Kini, dalam pasaran terdapat pelbagai jenis ensiklopedia. Dari segi bentuknya, ada yang bersifat umum dan ada yang bersifat khusus.

Encyclopaedia Britannica (dalam bahasa Inggeris) dan *Brockhaus Enzyklopadie* (dalam bahasa Jerman) merupakan beberapa contoh ensiklopedia umum. *Ensiklopedia Britannica* merupakan sebuah ensiklopedia umum bahasa Inggeris untuk pembaca dewasa berpendidikan. Ensiklopedia ini disusun oleh 19 orang penyunting sepenuh masa dan melibatkan 4000 orang penyumbang pakar. Ensiklopedia yang dianggap paling ilmiah dalam kalangan semua ensiklopedia yang pernah terdapat di pasaran diterbitkan julung kali pada tahun 1768 dan pesat berkembang hingga kini.

Ensiklopedia Dunia terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan satu contoh ensiklopedia umum dalam bahasa Melayu. Ensiklopedia yang terdiri daripada 23 jilid, mengandungi 14,000 entri, 20,000 ilustrasi dan 1,000 peta. Selain entri terjemahan *The World Book Encyclopedia* ke bahasa Melayu sama ada secara keseluruhan diadaptasi atau disesuaikan mengikut laras bahasa, ensiklopedia ini juga memuatkan 1,000 entri tambahan daripada *Global Arabic Encyclopedia* yang berkaitan agama Islam, budaya, akidah, sejarah dan tokoh Islam yang bertaraf antarabangsa.

Ensiklopedia Sains dan Teknologi yang diterbitkan dalam 12 jilid termasuk indeks dan *Ensiklopedia Bahasa Melayu* merupakan dua contoh ensiklopedia khusus yang terdapat dalam pasaran kini. *Ensiklopedia Sains dan Teknologi* merupakan projek usaha sama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Universiti Teknologi Malaysia. Setiap jilid mewakili pelbagai bidang seperti kejututeraan kimia dan sumber asli, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, perhutanan dan pertanian, perubatan dan kesihatan, kejuruteraan awam, fizik, biologi, kimia, teknologi maklumat, matematik dan jilid indeks. Kedua-dua ensiklopedia ini merupakan karya asli terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ensiklopedia dan Perkamusan Secara Umum

Ensiklopedia berkembang lebih awal daripada kamus. Perbezaannya kamus hanya memberi definisi setiap kata yang dilihat dari sudut linguistik dan sinonim. Kajian tuntas perbezaan antara kamus dengan ensiklopedia belum pernah dibuat oleh sarjana tempatan. Yang ada ialah kajian perbandingan yang menarik antara leksikografi dengan terminografi oleh Hasnah Mohamad (2005: 36). Beliau telah menganalisis perbandingan tersebut berdasarkan kerangka C.Georgetta. Gambaran perbandingan tersebut adalah seperti berikut:

Konteks	Leksikografi	Istilah
Ruang lingkup	Kosa kata umum sesuatu bahasa	Kosa kata khusus dalam bidang tertentu
Objektif	a. Menghuraikan ilmu tentang kata dalam hasil leksikografi b. Beri definisi setiap kata yang dilihat dari sudut linguistik dan sinonim	Membarasi konsep dengan penyaringan dan pengelasan istilah ke dalam sesuatu bidang dalam hasil terminografi

Orientasi	a. Pada dasarnya bersifat deskriptif b. Fokus pada pengabjadan kata dan sinonim c. Sinonim, tiada penjelasan yang mendalam d. Terbatas maklumat, pengguna kurang maklumat	Pada dasarnya bersifat preskriptif
Pendekatan	Pendekatan linguistik terhadap unit asas (kata)	Pendekatan konsep terhadap unit asas (kata) : istilah menerangkan konsep
Data	Sumber data daripada Bahasa untuk Tujuan Umum (LGP). Entri kamus umum memberikan maklumat : Maklumat linguistik Maklumat pragmatik	Sumber data daripada Bahasa untuk Tunjuk Khusus (LSP). Entri kamus istilah memberikan maklumat: Maklumat linguistik Maklumat konsep Maklumat pragmatik
Kaedah	Secara semasiologi bermula daripada kata kepada maknanya	Secara onomasiologi bermula daripada makna konsep kepada bentuk linguistiknya
Tahap komunikasi	Pelbagai sama ada formal, tak formal, slanga	Mengikut profesion yang berlainan
Pengguna	Pengguna umum lebih meluas	Pengguna dalam bidang berkaitan bilangannya terhad

Ensiklopedia merupakan buku rujukan yang mempersembahkan maklumat atau fakta tentang sesuatu disiplin dalam julat yang luas. Maklumat ini dikumpul dan disumbangkan oleh pakar rujuk dan disusun dalam kombinasi sistematik menurut urutan abjad untuk manfaat golongan terpelajar. Maklumat dan definisi tentang sesuatu entri yang terdapat dalam ensiklopedia lebih mendalam dan kurang taksa berbanding pentakrifan dalam kamus.

Walau bagaimanapun, disebabkan faktor ketebalan dan harganya yang terlalu mahal, sambutan pengguna terhadap ensiklopedia kurang menggalakkan. Penggunaan cakera padat (CD) dan hiperteks telah membawa dimensi baharu pada ensiklopedia multimedia dan mudah dihasilkan dan digunakan melalui komputer.

Hartmann dan James (1998: 49) telah mengemukakan kerangka teori perbandingan antara ensiklopedia dengan kamus dan kerangka tersebut dapat dilihat seperti paparan di bawah.

Maklumat ensiklopedia	Pembeza	Maklumat kamus
Tumpu pada benda (fakta)	Orientasi penyusun	Tumpu pada kata (bahasa)
Pangkalan pelbagai pengetahuan pakar	Metodologi penyusunan	Pangkalan data dalam skala kecil
Maklumat fakta	Skop	Perbendaharaan/kosa kata umum
Ensiklopedia mencerminkan kepakaran sistem konsep	Gaya definisi	Bahasa mencerminkan ciri semantic dalam konteks penggunaan biasa
Kegunaan pustaka oleh golongan terpelajar	Kefungsian	Pelbagai kegunaan pengguna umum
Susunan sistematik dengan indeks	Susunan struktur makro	Susunan berdasarkan skrip
Persiapan dunia pengetahuan sebenar	Tujuan menyeluruh	Huraian makna
Agak biasa	Ilustrasi	Agak jarang

Orientasi Penyusun Ensiklopedia dan Kamus

Pada dasarnya ensiklopedia bersifat preskriptif dan sarat dengan fakta, serta mempunyai unsur kualitatif. Pendekatan preskriptif lebih terarah kepada sikap normatif tentang cara bahasa dan variasi bahasa ditetapkan. Sikap normatif dikaitkan dengan unsur kualitatif, iaitu mutu atau taraf. Norma ini berasaskan sedutan pendapat pakar dan orang yang berpengalaman seperti golongan berpendidikan dan tokoh penulis. Oleh sebab itu, ramai tokoh akademik terkenal yang menyusun ensiklopedia seperti Asmah Haji Omar yang menyusun *Ensiklopedia Bahasa Melayu* dan Hishamuddin Jamaludin, salah seorang penyusun *Ensiklopedia Sains dan Teknologi Bahasa Melayu* dari Universiti Teknologi Malaysia.

Kamus pula bersifat deskriptif dan lebih menekankan takrifan sesuatu kata. Kamus sarat dengan konteks penggunaan sesuatu kata sama ada umum atau khusus dan ada unsur kuantitatif. Norma kuantitaif bersandarkan bukti korpus yang dikaji mengikut kaedah statistik untuk

mendapatkan kekerapan penggunaan. Jika takrif kamus umum yang bersifat keekabahasaan merupakan takrifan sedutan berdasarkan pembuktian data korpus, takrif kamus khusus (istilah) pula ditentukan oleh pakar bidang. Seperti kata Sidney Landau (1984: 20), makna kata saintifik dicipta bersandarkan nasihat pakar dan pakar tersebut mempunyai wewenang serta pengalaman dan pengetahuannya yang tersendiri.

Sumber pakar bidang bersifat informatif atau ensiklopedik, lebih daripada bersifat leksikal. Hal ini bermakna bahawa takrifan kamus khusus dibuat berdasarkan ketentuan pakar bidang daripada sumber-sumber ilmu yang telah ditetapkan oleh pakar bidang sebelumnya, selain menggunakan pengetahuan dan kepakaran mereka dalam sesuatu bidang.

Metodologi Penyusunan Ensiklopedia dan Kamus

Penyediaan metodologi penyusunan menuntut wawasan ilmu yang tinggi, terutama dari aspek amali kerana metodologi penyusunan menjadi pegangan dan pedoman kepada kumpulan penyusun lainnya. Di sinilah letaknya ketrampilan dan kebijaksanaan seseorang yang mengadakan prosedur yang berasaskan tradisi dan konvensi yang cuba diterapkan dalam metodologi penyusunan. Metodologi penyusunan memperincikan segala aspek editorial dan sistem penyusunan meliputi kata masukan, kaedah takrif, pelabelan dan sebagainya. Perkara ini dapat dilihat melalui penyusunan ensiklopedia atau penyusunan kamus.

Ensiklopedia disusun berasaskan data pakar dan pengetahuan pakar yang pelbagai menjadi sumber penting kepada penyusunan ensiklopedia. Seseorang pakar mempunyai wewenang selain pengalaman dan pengetahuan sendiri. Sumber mereka bersifat ensiklopedik berbanding leksikal. Editor memainkan peranan penting dan seseorang editor perlu membuat perancangan. Pertama, mengenal pasti kata masukan mengikut bidang. Kedua, mencari pakar untuk membuat huraian berdasarkan entri. Kalau bidang yang berkaitan dengan perkamusan, pakar kamus perlu dicari. Pakar kamus harus tahu ilmu perkamusan, terutama aspek leksem, leksikal dan leksikologi. Seseorang editor perlu berbincang dengan pakar perkamusan untuk menyenaraikan entri dan kemudian meminta pakar tersebut membuat takrifan.

Zgusta (1971) berpendapat ada empat kaedah penyusunan kamus, iaitu pengumpulan data, penyenaian entri, pembentukan entri dan pengolahan entri. Kamus disusun berdasarkan data korpus, dan korpus pula ada dua jenis, iaitu korpus induk dan subkorpus. Korpus induk ialah korpus yang berdasarkan tulisan dan lisan, teks umum, konteks penggunaan semasa, fiksi dan bukan fiksi. Subkorpus pula terdiri daripada teks khusus seperti teks klasik dan yang dicirikan dengan pemberatan tertentu yang mewakili sebilangan besar teks sesuatu bahasa yang digunakan untuk menganalisis bahasa dan sastera.

Korpus ialah koleksi bahan teks yang dicirikan dengan pemberatan tertentu yang mewakili sebilangan besar teks sesuatu bahasa yang digunakan untuk analisis linguistik dan sastera. Menurut *Kamus Linguistik* (1997: 141), korpus ialah data mentah bahasa yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, nahu atau lesikal sesuatu bahasa.

Kegunaan korpus ialah membuat analisis dari aspek nahu, leksiko nahu, wacana, penggunaan istilah, terminografi, pemprosesan teks, penterjemahan, ciri variasi bahasa atau teks. Korpus mempunyai tiga ciri, iaitu bersifat empiris kerana meneliti pola yang terdapat dalam teks sebenar, objektif kerana menggunakan himpunan teks yang pelbagai dan besar saiznya, dan praktis serta tuntas kerana sebahagian besar kerja analisis diautomatikan.

Kaedah penyusunan ensiklopedia bertitik tolak berdasarkan fakta dan mendukung konsep tertentu, iaitu menerapkan kaedah onomasiologi. Dalam kaedah ini, huraian sesuatu entri bermula daripada makna kepada kata. Kaedahnya berbeza daripada kamus yang menerapkan kaedah semasiologi, iaitu penjelasan sesuatu entri bermula dari kata kepada makna.

Skop Ensiklopedia dan Kamus

Ensiklopedia merupakan koleksi maklumat atau himpunan fakta mengenai setiap cabang ilmu pengetahuan. Skopnya mencakup pelbagai subjek dan disiplin serta lebih luas dan menyentuh pelbagai topik.

Penjelasannya lebih mendalam dan dapat maklumat yang disampaikan sangat relevan dengan sesuatu subjek.

Misalnya *Ensiklopedia Bahasa Melayu* susunan Asmah Haji Omar (2008). Ensiklopedia tersebut memberi gambaran lengkap tentang bahasa Melayu. Skopnya mencakup sejarah bahasa Melayu dari segi keanggotaan dalam rumpun Austronesia, sejarah sosial bahasa Melayu, variasi sosial, variasi nasional, variasi kawasan, perancangan bahasa, tulisan dan ejaan, kajian bahasa, fonetik dan fonologi, nahu, peminjaman kata, bahasa kiasan, peribahasa, teka-teki, ragam bahasa, perkamusan Melayu dan etimologi.

Skop kamus pula tertumpu pada perbendaharaan kata atau kosa kata. Kosa kata dalam kamus termasuklah kosa kata umum, istilah, nama khas, dialek dan ragam bahasa. Misalnya *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003) . Entri kamus berjumlah 104 500 (47 000 entri pokok, 26 000 subentri, 3900 peribahasa, 600 kiasan, 27 000 frasa atau kiasan). Kosa kata umum kamus ini ialah kosa kata sepunya yang merentas sempadan geografi Malaysia-Indonesia, termasuk kata pinjaman asing. Istilah pula ialah istilah pelbagai bidang yang dimuat dalam kamus istilah atau glosari yang diterbitkan di bawah rangkaian kerjasama MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia).

Skop nama khas yang terdapat dalam kamus adalah terdiri daripada nama negara, kumpulan negara, negeri, bandar, seperti dunia ketiga, bumi kenyalang, tanah suci; perayaan dan sambutan seperti hari bapa, hari pekerja, Deepavali, Hari Raya Puasa; fahaman dan agama seperti Islam, Marxisme; gelaran dan jawatan seperti Dato, Bapa Kemerdekaan Negara, Seniman Negara; hari, bulan, tahun, zaman seperti Isnin, Syawal, tahun Hijrah, zaman batu; hadiah, anugerah seperti Hadiah Nobel; kitab seperti Quran, Taurat, Injil dan Zabur; golongan agama seperti Sunni, Syiah, Katolik; badan dan gerakan ekonomi seperti Orde Baru; peristiwa penting seperti Olimpik, perang Salib; dasar, wawasan seperti Dasar Ekonomi Baru, wawasan 2020, nama Allah, nama nabi, kependekan, waktu solat, zodiak seperti Virgo, planet, bintang, galaksi seperti Bumi, Bimasakti, garisan dan kawasan geografi seperti Artik, Garisan Jadi, Kutub. Utara; Garisan dan kawasan Geopolitik seperti tabir besi; bangsa dan bahasa.

Gaya Definisi Ensiklopedia dan Kamus

Gaya definisi ensiklopedia mencerminkan kepakaran sistem konsep yang sama seperti daftar istilah yang menyediakan huraian yang lengkap tentang sesuatu istilah. Untuk definisi, ada tiga asasnya, iaitu menjelaskan set konsep sebagai entiti terasing suatu struktur ilmu; menjelaskan set entiti maklumat yang berkaitan yang bergabung dengan konsep dalam satu kumpulan; mewujudkan hubungan antara konsep dengan subjek. Contoh definisi ensiklopedia adalah seperti berikut:

Ensiklopedia Bahasa Melayu (Asmah Haji Omar 2008)

Imbuhan

Imbuhan ialah morfem terikat yang diletakkan di awal, di dalam dan juga di akhir kata dasar. Morfem terikat juga diletakkan di awal dan di akhir kata dasar secara serentak. Dengan demikian, dalam bahasa Melayu terdapat awalan (di awal kata, sebelum kata dasar), sisipan (yang disisipkan di dalam kata), akhiran (di akhir kata, selepas kata dasar) dan apitan (di awal dan di akhir kata dasar). Ber-,me-per- adalah awalan dalam kata-kata seperti berkata, memanjat dan perbuat.... (hlm.113)

Gaya definisi dalam kamus lebih menekankan unit asas, iaitu kata. Definisi kamus merupakan suatu percubaan untuk membentuk makna sesuatu entri dan membezakan makna kata/leksem yang berkaitan daripada kata atau leksem lain dalam medan semantik yang sama.

Gaya definisi kamus biasanya mempunyai struktur tertentu seperti struktur glos Newell (1995) yang dibahagikan kepada genus, kriteria dan komen.

- a. Genus, iaitu bahagian definisi yang mempunyai kata generik yang ada kaitan dengan semantik atau dengan dgn entri/subentri. Contoh: **ayam** ialah haiwan yg mempunyai paruh, kepak, bulu...kata yang maknanya terdapat dalam set leksikal. Kata yang paling umum maknanya dan yang paling tinggi kekerapan dan dianggap superordinat. Contoh: **perabot** ialah almari, kerusi dsb. **almari** ialah perabot yg berpintu... **kopiah** ialah penutup kepala...

- b. Fitur kriteria/pembeza, iaitu bahagian definisi yang ada kata yang menerangkan dan membatasi makna genus . Contoh: **tengik** adj minyak berlemak yg tengik, berbau (kerana sudah tidak elok akibat disimpan terlalu lama)
- c. Komen, iaitu bahagian definisi yang memberikan maklumat tambahan yang membolehkan pengguna menghasilkan teks dan memahami makna. Maklumat tersebut ialah maklumat kolokasi, maklumat sintaksis dan maklumat pragmatik.

Misalnya, entri **kicap**:

kicap kn cecair (genus) berwarna hitam yang masin rasanya (fitur pembeza), dibuat daripada peraman air kacang soya yang dicampur garam, biasanya digunakan dalam masakan (komen)

Kefungsian Ensiklopedia dan Kamus

Kefungsian ensiklopedia lebih kepada keperluan kepustakaan untuk golongan terpelajar. Oleh sebab itu tidak semua orang boleh memiliki ensiklopedia secara lengkap. Hal ini kerana bilangan siri yang agak tebal, tidak mesra pengguna dan terlalu mahal harganya Oleh itu, ensiklopedia banyak terdapat di perpustakaan. Perpustakaan menjadi pusat rujukan kepada semua bidang ilmu yang merentas dari aspek zoologi hingga ke alam semesta.

Kamus pula pelbagai kegunaan dan sasarannya. Ada kamus untuk penutur asli, penutur bukan asli dan golongan pengguna khusus seperti pelajar dan penterjemah. Ada dua faktor sebelum menyusun kamus, iaitu tahap kemampuan bahasa (pengguna kamus ialah ukuran arbitrari daripada pandangan penyusun kamus) dan kebolehan merujuk (kemampuan pengguna memahami sistem penyusunan hingga mudah dirujuk dan dicapai).

Untuk golongan pengguna profesional, kamus dwibahasa menyediakan maklumat terjemahan daripada bahasa ibunda kepada bahasa asing. Bahasa sumber merupakan bahasa entri penutur asli dan

bahasa sasarannya merupakan bahasa untuk terjemahan dengan padanannya dalam bahasa asing. Dalam *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (KIMD), golongan pengguna sasarannya ialah penutur yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua yang diandaikan oleh penyusun, bukan sahaja terdidik dalam bahasa Inggeris tetapi juga mempunyai penguasaan asas dalam bahasa Melayu.

Untuk penutur asli, teks kamus tersebut dicirikan dengan penghuraian segala metabahasa sesuatu kata entri atau frasa entri yang dicerap oleh pengguna kamus sewaktu merujuk sesebuah kamus. Konsep kamus ini lebih kepada tujuan pemahaman untuk penutur asli bagi semua peringkat pembaca bahasa pertama. Misalnya *Kamus Dewan* ditujukan kepada golongan sasarannya penutur asli bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.

Begitu juga untuk pengguna umum. Konsep kamus dwibahasa untuk tujuan pemahaman lebih berupa tugas menerima seperti membaca teks bahasa asing atau menterjemahnya kepada bahasa asli. Misalnya dalam *Kamus Dwibahasa* terbitan DBP pada 1977. Golongan sasarannya ialah penutur asli bahasa Melayu yang diandaikan mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang ingin memahami teks bahasa Inggeris. Kandungan Kamus Dwibahasa memuatkan lebih banyak informasi kata entri.

Untuk golongan pelajar, metabahasa yang mewarnai struktur entrinya dicirikan dengan pelbagai maklumat makna, sebutan, kelas kata, serta maklumat tatabahasa yang secara khusus ditujukan kepada penutur asli bahasa Melayu sama ada untuk peringkat umum atau peringkat pelajar. Namun dalam *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* yang sedang disusun mempunyai golongan sasaran yang berbeza berbanding dengan *Kamus Dwibahasa dan Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kamus ini ditujukan kepada golongan sasaran bukan penutur bahasa asli bahasa Melayu. Ini khususnya untuk golongan penutur bahasa kedua yang ingin memahami teks bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa sumber. Konsep kamus ini lebih berupa kamus pelajar dwibahasa dan dicirikan dengan metabahasa yang bersesuaian dengan format kamus pelajar sama ada dari sudut pemilihan kata entri, persembahan makna, pembentukan kata dan sebagainya.

Susunan Struktur Makro

Struktur makro dalam ensiklopedia disusun secara sistematik bersama-sama dengan indeks, manakala susunan struktur makro kamus berdasarkan skrip. Walau bagaimanapun, kedua-duanya mempunyai perbezaan dan persamaan dari aspek struktur makro.

Struktur makro ialah struktur senarai menyeluruh yang membolehkan penyusun dan pengguna kamus atau ensiklopedia memperoleh maklumat dalam karya rujukan. Pola tersebut berdasarkan senarai kata mengikut abjad atau perkara tertentu sama ada secara tematik atau kronologi/kekerapan.

Perbandingan struktur ensiklopedia dan kamus dapat dilihat dari tiga struktur utama, seperti carta berikut:

PERKARA	KAMUS (<i>Kamus Dewan</i>)	ENSIKLOPEDIA (<i>Ensiklopedia Bahasa Melayu</i>)
Bahan Awal	Sidang Editor Prakata / Kata pengantar Pendahuluan Panduan pengguna Senarai kependekan	Penyumbang Ketua editor Prakata/Kata pengantar Pengenalan
Bahan Tengah	Susunan mengikut abjad a hingga z	Susunan mengikut perkara atau tema
Bahan Akhir	Tiada	Bibliografi Indeks

Berdasarkan carta di atas, jelas terdapat beberapa perbezaan dan persamaan antara *Kamus Dewan* dengan *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Pertama, dalam *Kamus Dewan* bahan awal terdiri daripada sidang editor, prakata/kata pengantar, pendahuluan, panduan pengguna dan senarai kependekan, manakala dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu* bahan awalnya berupa penyumbang, ketua editor, prakata/kata pengantar dan pengenalan. Kedua, dalam *Kamus Dewan* bahan tengah terdiri daripada entri yang disusun mengikut abjad a hingga z, manakala dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu* bahan tengahnya berupa entri yang disusun mengikut perkara atau tema. Yang ketiga, dalam *Kamus Dewan* tidak ada

bahan akhir, manakala dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu* bahan akhirnya berupa bibliografi dan indeks

Tujuan Menyeluruh Ensiklopedia dan Kamus

Ensiklopedia merupakan gedung ilmu yang sarat dengan fakta dan maklumat. Oleh itu, objektif sebenarnya ialah membekalkan dunia pengetahuan sebenar kepada pengguna bahasa.

Kamus pula lebih kepada huraian makna dan maknanya dibuat sama ada secara berpolisemi atau homonimi. Polisemi ialah kata atau frasa yang maknanya pelbagai dan berkaitan. Hubungan kata/frasa yang mempunyai dua makna atau lebih dan mempunyai etimologi yang sama (Kamus Linguistik DBP 1997: 192). Pemakaian bentuk bahasa seperti kata dan frasa dengan makna yang berbeza-beza.

bernas 1. berisi penuh (padi, susu, dll); 2 subur atau banyak hasilnya; 3 ki berisi (ucapan dll) (KD: hlm. 171)

tewas a 1 kalah; 2 mati; 3 cela, salah (luput) (KBBI: hlm. 942)

Homonim mendukung satu atau lebih perkataan yang sama bentuk dari segi ejaan dan sebutan, tetapi setiap satu perkataan tersebut mempunyai makna yang jauh berbeza antara satu sama lain.

Di dalam kamus ditangani seperti berikut. Pertama diolah secara berurutan dan ditandai dengan angka superskrip. Kedua, disusun mengikut kekerapan penggunaan kata (yang tinggi kekerapan didahulukan). Misalnya: Kamus Dewan

kopi I 1. sj tumbuhan...;2.= air ~ minuman drpd bancuhan kopi halus, gula dan air.

kopi II: ~ andelan sj tumbuhan (pokok)...

kopi III1. bp salinan atau tiruan daripada yang asli...; 2. naskhah buku yang akan diterbitkan

Ilustrasi

Ilustrasi bermaksud gambar atau lukisan yang menjelaskan sesuatu. Penerapan ilustrasi agak lumrah dalam ensiklopedia. Misalnya *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, hampir setiap halaman memuatkan gambar untuk menjelaskan setiap perkara yang dibincangkan.

Untuk menjadi mesra pengguna, kamus perlu mempunyai ilustrasi. Dalam *Kamus Rendah Dewan Bergambar*, (2003) 500 gambar yang pelbagai rupa dan bentuk dimuatkan dalam kamus, sesuai dengan golongan sasarannya yang terdiri daripada golongan pelajar. Kamus ini disusun untuk memenuhi keperluan murid darjah 4, 5 dan 6. Ciri utama kamus ini adalah untuk membantu pelajar menguasai bahasa pada peringkat pendidikan rendah. Namun ilustrasi secara terpilih dimuatkan dalam kamus umum. Agak jarang kamus umum memuatkan ilustrasi.

Selama ini, penerapan ilustrasi bersifat onomasiologi (daripada konsep kepada bentuk atau nama), berbanding semasiologi (daripada bentuk atau nama kepada konsep). Namun dalam kamus sebenar, ilustrasi lebih bersifat semasiologi dengan meninjau unit leksikal yang diberi ilustrasi (Ilson, dlm Cowie: 1987: 193).

Kesimpulan

Secara keseluruhan kamus dan ensiklopedia merupakan karya rujukan yang penting. Kedua-duanya menjadi sumber utama pengetahuan. Untuk mencari makna kata, kamuslah yang menjadi pilihan. Untuk mengetahui sesuatu perkara secara mendalam, ensiklopedialah yang menjadi pilihan. Walaupun terdapat perbezaan kedua-dua rujukan tersebut, pada hakikat kedua-duanya memainkan peranan penting dalam proses pengkodan bahasa.

Bibliografi

Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka.

- Hasnah Mohamad. 2005. "Terminografi dan Leksikografi". *Dewan Bahasa*, Jun. Jilid 5: 6, hlm. 36-40.
- Hartmann, R.R.K. dan James, G. 1998. *Dictionary of Lexicography*. London: Routledge.
- Householder, F.W. dan Saporta, S. (ed). 1975. *Problem in Lexicography*. Bloomington: Indiana University.
- Ison, Robert. 1987." Illustrations in Dictionaries", dlm. Anthony Cowie (ed.) *The Dictionary and the Language Learner*. Tubingen 1987: Max Niemeyer Verlag.
- Jackson, H. 1988. *Words and their meaning*. New York: Longman.
- Landau, S. 2001. *The art and craft of lexicography*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Newell, L.E. 1995. *Handbook on lexicography for Philippine and other language*. Manila.
- Tueew. 1964. Tentang kamus dan perkamusan Melayu. *Dewan Bahasa*. 9.9: 388-397.
- Zgusta, L. 1971. *Manual of Lexicography*. Mooton: Hague.

Senarai Kamus

- Collins Cobuild English Language Dictionary for Advanced Learners*. 2001. London: Harper Collins Publisher.
- Kamus Dewan*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, edisi keempat, 2008. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 2003: Pusat bahasa: Balai Pustaka.
- The American College Dictionary. 1960. Barnhart. C (ed.).